



Siaran Akhbar

PROTON e.MAS 7 KINI DI TRINIDAD DAN TOBAGO

- **Negara Caribbean menjadi pasaran eksport kedua untuk model EV terlaris Malaysia**
- **Pengedar ANSA Motors membuka bilik pameran baru khusus untuk mempromosikan jualan EV**

PORT OF SPAIN, 9 Jun 2025 — Model EV pertama PROTON kini telah dilancarkan di pasaran eksport yang kedua. Pelancaran rasmi Proton e.MAS 7 telah berlangsung secara rasminya pada 5 Jun lalu, di Port Of Spain, ibu negara Trinidad dan Tobago, oleh bahagian jualan antarabangsa PROTON (ISD) bersama pengedar rasmi kenderaan Proton, ANSA Motors. Negara ini merupakan pasaran antarabangsa kedua bagi model tersebut, menyusul tiga bulan selepas kemunculan antarabangsanya di Nepal. Dilancarkan di Malaysia pada Disember 2024, Proton e.MAS 7 kini menduduki tangga pertama sebagai model EV paling laris di Malaysia dan tempat ketiga di antara model eksport syarikat, disululi oleh Proton Saga dan Proton X50

Majlis pelancaran itu dirasmikan oleh Jean-Marc Mouttet, Ketua Sektor ANSA Motors Limited dan Alexander Sabga, Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan Baharu ANSA MCAL Ltd. ANSA Motors merupakan pengedar rasmi PROTON di negara Caribbean, satu pengiktirafan yang telah disandang sejak 2013.

ANSA Motors Melancarkan Bilik Pameran EV Baharu Bagi Memenuhi Keperluan Pemilik EV yang Berkembang

Agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pangkalan pelanggan EV yang semakin berkembang, ANSA Motors telah memperkenalkan sebuah bilik pameran EV baharu yang moden dan canggih di The City of Grand Bazaar. Fasiliti serba baharu ini akan menawarkan pengalaman menyeluruh kepada pelanggan untuk meneroka model EV, memahami teknologi EV serta menerima sokongan khusus.

Meneruskan kejayaan kemasukan Proton X50 dan Proton X90 ke pasaran Trinidad dan Tobago tahun lalu, pelancaran ini mengukuhkan lagi usaha berterusan PROTON dalam pengembangan global serta membawa teknologi automotif canggih ke pasaran eksportnya. Sehingga kini, sejumlah 481 unit kenderaan Proton telah dieksport ke negara tersebut, yang berpopulasi kira-kira 1.4 juta penduduk. Jumlah ini termasuk 271 unit Proton X50, 141 unit Proton X90 dan 44 unit Proton Saga.

Model-model ini pantas mendapat kepercayaan dan perhatian pembeli di pasaran Trinidad, seterusnya membuka peluang bagi pengenalan Proton e.MAS 7. ANSA Motors juga telah bekerja keras bagi memastikan pengalaman EV yang lancar dan memuaskan kepada pelanggannya dengan melabur dalam penyediaan sokongan pelanggan dan infrastruktur.

SUV Elektrik Padat Ciri dengan Keselamatan 5 Bintang, Prestasi Unggul dan Jarak Perjalanan Berpanjangan

Proton e.MAS 7 yang ditawarkan dalam spesifikasi Premium di Trinidad dan Tobago, berstatus penarafan keselamatan ASEAN NCAP 5 bintang serta pecutan pantas 0-100 km/j dalam hanya 7.1 saat. Unit pemacu elektrik 12-dalam-1nya mampu menghasilkan 160kW dan 320 Nm tork. Dikuasakan oleh sel bateri Aegis Short Blade yang canggih, bateri 60.22 kWh mampu mencapai jarak perjalanan WLTP sejauh 410 km, menjadikannya pilihan ideal bagi penggunaan pelanggan di negara tersebut.

PROTON e.MAS 7 NOW AVAILABLE IN TRINIDAD AND TOBAGO

Page 2 of 2

"Perjalanan PROTON bersama e.MAS 7 ke pasaran Trinidad merupakan titik penting bagi PROTON. Ini jelas mencerminkan komitmen kami untuk menerajui penerimaan EV di negara tersebut dan menunjukkan satu lagi langkah signifikan dalam pengembangan antarabangsa kami. Ini juga menunjukkan dedikasi PROTON untuk menerajui adopsi EV dalam portfolio eksport kami dan kami tidak sabar untuk memperkenalkannya ke pasaran eksport tambahan seperti Mauritius dan Singapura pada akhir tahun ini," kata Edmund Lim Meng Thong, Pengarah Bahagian Jualan Antarabangsa, PROTON.

-Tamat-

Latar Belakang PROTON

PROTON Holdings Berhad ditubuhkan sebagai projek kereta nasional pertama negara dengan matlamat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia dan membina asas kukuh bagi industri automotif tempatan. Sejak 2017, PROTON melangkah ke fasa baharu sebagai jenama automotif moden dan bertaraf global melalui kerjasama strategik antara dua pemegang saham utama DRB-HICOM dan Zhejiang Geely Holding Group. Kini, PROTON terus komited menawarkan kenderaan yang memenuhi janji Inspiring Connections, berpaksikan nilai teras seperti Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan serta Piawaian Antarabangsa yang menjadi teras setiap model yang dihasilkan.